

Balik kampung Akal Budi Melayu

Akal Budi Melayu adalah satu gagasan yang menggambarkan falsafah, emosi, pemikiran, pelakuan, dan gaya hidup orang Melayu. 'Balik kampung' dianggap satu fenomena yang terjelma daripada gagasan Akal Budi Melayu. Di sebalik gagasan ini, terselit nilai-nilai seperti menghormati orang tua, menghargai asal usul keturunan, menyantuni ahli keluarga dan memulihara silaturahmi berkeluarga yang tersulam dalam kehidupan orang Melayu.

'Balik kampung' menjadi ketara khususnya apabila tiba musim perayaan agama selain musim cuti yang panjang. 'Balik kampung' dikatakan satu budaya orang Malaysia atau lebih khusus lagi budaya orang Melayu. Ada yang mengatakan ia satu tradisi dan amalan orang Melayu. 'Kampung' pada lazimnya, dikaitkan dengan kawasan luar bandar yang tidak mempunyai pelbagai kemudahan seperti di bandar.

'Kampung' dilihat sebagai sebuah kawasan yang dikelilingi pokok kayu kayan yang menghijau. Sebahagiannya dikelilingi bukit bukau di mana mengalirnya air sungai yang jernih dan kehadiran air telaga yang rasanya sejuk lagi payau.

Di sebahagian kampung yang lain terbentang luas sawah padi yang menghijau. Di kampunglah, kita dapat mendengar kicauan burung dan kokokan ayam pada waktu pagi yang syahdu. Dan di kampunglah kita dapat melihat kabus pagi yang menenangkan jiwa penduduk serta udara bersih yang dingin dan nyaman. Di kampunglah, nostalgia silam serta kenangan manis dan tersemat rapi dalam sanubari.

Tetapi apa yang lebih penting, di kampunglah ada ahli kaum keluarga dan sanak saudara serta rakan sepermainan. Apabila dikatakan 'balik kampung', maka terbayanglah kepada kita akan suasana indah begini. Tetapi konsep 'kampung' yang bersifat fizikal ini sudah berubah. Maksud 'kampung' kini sudah dianjak kepada suatu yang abstrak.

Akibat proses pembangunan dan perbandaran serta arus globalisasi, banyak kampung sudah menjadi pekan baharu dan bandar. Perubahan fizikal yang ketara dengan pelbagai kemudahan sudah merubah 'suasana fizikal' tadi. Apa yang kekal ialah ahli keluarga dan sanak saudara terus tinggal di kawasan berkenaan.

Dalam pada itu, perkembangan profesion kerja dan arus pemba-



(FOTO ILLUSI)

Tradisi pulang ke kampung halaman untuk bertemu keluarga pada Aidilfitri merupakan tradisi bagi masyarakat Melayu.

ngunan moden mendorong individu penduduk kampung dan sebahagian ahli keluarga berpindah ke kawasan bandar. Ada yang akan mencari penempatan sementara dan ada yang membina penempatan kekal. Apabila tiba musim perayaan dan cuti panjang, maka orang yang berasal dari 'kampung' akan pulang menemui ahli keluarga masing-masing di kampung.

Pulang menemui keluarga

Rata-rata kalau ditanya 'mengapa saudara balik kampung pada hari raya ini', maka majoriti jawapan yang kita akan dengar ialah 'pulang untuk menemui ibu bapa atau ahli keluarga dan sanak saudara.' Inilah tujuan dan semangat 'balik kampung' dalam Akal Budi Melayu.

Kalau tujuan dan semangat 'balik kampung' itu ialah untuk bertemu dengan ibu bapa dan kaum kerabat, maka 'balik kampung' itu tidak seharusnya berlaku di 'kampung' tradisi tetapi boleh berlaku di tempat di mana terdapat ibu dan bapa yang tercinta tinggal ketika ini. Hari ini, ada ibu bapa yang sudah kekal menetap di bandar-bandar. Ada keluarga yang mempunyai anak, cucu hatta cicit di bandar. Maka apabila tiba musim hari raya atau cuti panjang, maka anak-anak akan kembali kepada ibu bapa iaitu di bandar berkenaan.

Dalam erti kata lain, 'balik kampung' bagi sesetengah orang bukan lagi balik ke kampung tradisi yang bersifat fizikal tetapi kembali ke 'kampung' di bandar di mana terdapat ibu bapa dan ahli keluarga yang rapat. Kini maksud 'kampung' itu menjadi suatu yang abstrak. Malah konsep 'kampung' yang abstrak tidak lagi

mempunyai sempadan fizikal. 'Kampung' yang abstrak ini boleh berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain dengan syarat ia membawa bersamanya ibu bapa yang menjadi tempat rujukan oleh anak-anaknya.

Ini memberi bermakna tujuan dan semangat 'balik kampung' itulah yang harus menjadi fokus utama, iaitu kembali bertemu dengan ibu bapa dan sanak saudara. Kalau kebetulan ibu bapa dan sanak saudara sudah berkampung di bandar, maka bandar itulah yang menjadi 'kampung.' Tidak hairanlah kalau hari ini, ada rakyat yang pulang ke kampung di kota kosmopolitan seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Fenomena 'balik kampung' ini dianggap sebagai emosi orang Melayu. Ia mempunyai hubungan perasaan dan jiwa yang bersulam dalam masyarakat Melayu. Fenomena ini akan lebih mudah difahami kalau kita melihat perbandingan dengan 'pisang'. Dalam suatu kertas kerja bertajuk 'Teori Pisang': Kekeluargaan, Emosi dan Hubungan Sosial Manusia Melayu' ditulis bersama Prof Datuk Shamsul Amri Baharudin, Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), mengupas fenomena emosi orang Melayu ini.

Kertas ini pernah dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2003, bertemakan 'Emosi Melayu,' anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaysia. Di dalam kertas kerja ini, masyarakat Melayu boleh dibandingkan dengan 'pisang' yang sentiasa hidup bersama, perlu memerlukan, tolong menolong, dan lengkap-melengkapkan antara sa-

tu sama lain. Ini dapat dilihat pada pisang yang ada pada sikat pisang yang tersusun rapi sebelah menyebelah dan sikat pisang ini bergantung atau terikat pada satu tandan.

Tandan ini boleh dilihat sebagai tempat berpaut dan asal usul pisang serta sikat pisang tadi. Dalam konteks perbincangan ini, tandan pisang adalah 'ibu bapa atau sanak saudara di kampung'. Secara konsepsi, pisang-pisang ini akan terpisah dari tandan secara individu atau secara berkumpulan atau keluarga (sesikat). Perpisahan ini bersifat sementara dan ia didorong oleh keperluan yang berbeza.

Peristiwa besar

Tetapi apabila berlaku peristiwa besar dalam kehidupan individu Melayu seperti hari raya, kematian ahli keluarga, perkahwinan, dan kelahiran anak mahupun cuti panjang, maka individu tadi akan pulang ke 'kampung' untuk bertemu dengan ahli keluarga dan sanak saudara yang lain. Secara konsepsi juga, pisang-pisang yang terpisah akan kembali ke sikat masing-masing dan ada yang pulang ke tandan masing-masing.

Fenomena 'balik kampung' dilihat sebagai 'kembali kepada ibu bapa dan keluarga' untuk merapatkan kembali hubungan emosi yang terpisah untuk beberapa ketika. Pertemuan semula ahli-ahli keluarga itu sudah pastinya dapat memantapkan keakraban ahli-ahli keluarga ini. Dalam erti kata lain, inilah tujuan dan semangat balik kampung. Maka wajarlah amalan 'balik kampung' ini diteruskan dan 'kampung' ini tidak semestinya berlaku di kampung tradisi tetapi boleh juga berlaku di bandar-bandar.

Komentar



Dr Supyan Hussin

Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)